

## TEKS UCAPAN

**TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS- AHLI MAJLIS  
MPSP 2014  
9 JANUARI 2013 (KHAMIS), JAM 9:00 PAGI  
DI DEWAN KENANGA, MPSP**

---

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Dato' Haji Rashid bin Mohd Hasnon**  
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat **Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**  
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas.

Yang Berhormat **Dato' Hj Farizan bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang DiHormati Tuan-tuan dan Puan-puan  
Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

Yang Berusaha **Tuan Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Para Wakil Media dan Para hadirin yang saya hormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam majlis yang bersejarah pada pagi ini.

Terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana sudi hadir untuk Majlis Angkat Sumpah pada pagi ini.

Mengambil kesempatan pada majlis pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang memberikan perkhidmatan yang sepenuhnya kepada MPSP selama 6 bulan kedua 2013. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis tahun 2014 yang akan mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP tahun 2014 sebentar nanti.

Tahun 2014 adalah merupakan tahun yang amat mencabar bagi kita semua. Tahun 2014 untuk semua aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diambil alih oleh MPSP. Aspek pembersihan adalah satu "*core business*" MPSP sebagai satu PBT. Proses pengambilan ini telah berjalan sejak 2012 lagi. Selepas pengambil alihan ini, keseluruhan pekerja am yang diambil bekerja adalah sebanyak 2469 orang berbanding

pada peringkat sebelum ini kita hanya mempunyai seramai lebih kurang 350 orang pekerja sahaja. Di samping itu, kita juga telah menambah bilangan kenderaan dengan membeli 48 buah lori pemampat (compactor) dan 14 buah lori tipper sejak tahun 2012 lagi. Sebanyak 25 buah lori pemampat (compactor) dan 14 buah lori tipper lagi akan sampai pada awal tahun ini. MPSP telah memperuntukan RM 74.12 juta untuk tujuan pembersihan.

Saya berharap Ahli Majlis boleh bekerjasama dalam program-program LA 21 untuk sama-sama dengan JKKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan semua stakeholders MPSP dalam memberi penerangan dan pendidikan tentang pembersihan dan alam sekitar termasuk program kitar semula, *segregation at source*, *Zero waste*, *composting*, *Community Farming* dan lain-lain. Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan telah menepati kriteria-kriteria yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, pengalaman luas tuan-tuan dan puan-puan di peringkat akar umbi boleh membantu MPSP dalam mendekati stakeholders di Seberang Perai dan sebagai perantara untuk menyebarkan dasar dan polisi serta garis panduan yang digubal bersama.

Dengan gabungan yang mantap ini di antara pihak pengurusan dan Ahli Majlis dapatlah MPSP mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih cemerlang kepada masyarakat.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sepanjang 2013, MPSP telah berusaha untuk melonjakkan nama ke persada antarabangsa di mana MPSP telah menjadi ahli dalam pertubuhan antarabangsa seperti:

- Menjadi ahli dalam CITYNET (The Regional Network Of Local Authorities For The Management Of Human Settlements) beribu pejabat di Seoul, Korea
- Menjadi ahli dalam WeGO (World e-goverment) beribu pejabat di Seoul, Korea.
- Menjalinkan friendship cities bersama Gwangju, Korea.

Selain itu, pada tahun 2013 juga MPSP telah menerima beberapa anugerah di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan seperti ;

- Mendapat sijil Pejabat Hijau Pulau Pinang dari Penang Green Council

- Mendapat Sijil Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Penyediaan Kebun Kejiranaan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Mendapat Johan dalam Pertandingan Tandas Bersih (Kategori Jabatan Kerajaan)
- Mendapat Sijil OHSAS 18001:2007 diperolehi oleh MPSP pada tahun 2013 dan sah dalam tempoh 3 tahun. MPSP merupakan PBT pertama yang menerima sijil OHSAS di Semenanjung Malaysia.
- Pelanjutan Persijilan ISO 14001:2004 diperolehi sejak 2006 dan persijilan sah sehingga 2015
- Pelanjutan Persijilan ISO 9001:2008 diperolehi oleh MPSP sejak 1999 dan persijilan sah sehingga 2014 oleh SIRIM

Tahun 2014 MPSP mensasar untuk mendapat Pensijilan Energy Management System (ENMS) oleh SIRIM dan Pensijilan Quality Environment (QE) oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC).

Pada tahun 2013 MPSP telah banyak melaksanakan projek pembangunan dengan bantuan kewangan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kesejahteraan rakyat Seberang Perai. Projek ini termasuk tiga (3) Projek Naiktaraf Pasar dan dua (2) Projek Tebatan Banjir.

Pada tahun 2014, beberapa projek baru dan naiktaraf akan dilaksanakan seperti pembinaan sebuah (1) pasar baru di Perkampungan Juru,

menaiktaraf dua (2) buah pasar iaitu di Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit, SPT, naiktaraf sebuah gerai makanan di Taman Jaya, SPT dan sepuluh (10) projek tebatan banjir.

Pembangunan di Seberang Perai akan pesat dengan adanya infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan. Permohonan pembangunan yang diselesaikan pada tahun 2013 adalah sebanyak 89.2% dalam tempoh KPI (1065 pelan) masing-masing dan 10.8% (129 pelan) diselesaikan melebihi tempoh KPI. Ini menampakkan peningkatan sebanyak 21.79% berbanding tahun 2012. Banyak langkah penambahbaikan telah diambil sejak tahun 2011 untuk menyahut seruan YAB Ketua Menteri semasa perhimpunan bulanan di Dome menyatakan bahawa pembangunan hartanah merupakan salah satu penyumbang kepada ekonomi Pulau Pinang bersama dengan pelancongan dan industri.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sempena dengan Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis pada pagi ini, Pelan Strategi Lima Tahun MPSP (2014-2018) yang di gubal bersama Ahli Majlis akan dilancarkan. Pelan strategi 5 tahun ini di pandu pelaksanaannya dengan fokus tahunan.

Pada Tahun 2014, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah berjaya membentuk 9 fokus utama bagi mendokong visi dan misi MPSP yang melibatkan semua kakitangan dan Ahli Majlis yang akan dipandu oleh pihak pengurusan atasan. Sebanyak 9 Fokus telah dikenalpasti yang melibatkan 49 program dan 124 aktiviti untuk dilaksanakan dalam Tahun 2014 yang disertai dengan penetapan *Out-Come Base Indicators* sebagai kayu pengukur prestasi aktiviti. Saya berharap dengan pelaksanaan fokus ini ianya mampu merealisasikan kehendak-kehendak *stakeholders* di Seberang Perai.

9 Fokus MPSP 2014 yang telah dibentuk adalah ;

- 1 Kebersihan
- 2 Keselamatan & Lalulintas
- 3 Penguatkuasaan Undang-Undang
- 4 Kawalan Banjir
- 5 Pengindahan, Kehijauan Dan Kemudahan Awam
- 6 Penglibatan Komuniti
- 7 Pembinaan Kapasiti
- 8 Pengukuhan Fiskal
- 9 Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2014, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang. Dalam usaha untuk menjayakan Fokus MPSP, peranan MPSP amat penting dalam memberikan maklumbalas yang tepat, timely dan saksama kepada stakeholders. Melalui Fokus MPSP 2014, ianya memberi ruang untuk menghasilkan *value added outcome* dan impak yang positif untuk mencapai kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar.

Fokus MPSP 2014 telah menggariskan tujuh budaya kerja yang perlu dilaksanakan oleh semua kakitangan MPSP. Tujuh budaya kerja tersebut adalah:

- i. Relevan
- ii. Sikap Dan Tindakan Segera (*Urgency*)
- iii. Berpandukan Pelanggan (*Customer Oriented*)
- iv. Bertindak Dengan Sifat-Sifat keutuhan, Kejujuran Dan Beretika
- v. Bekerja Sebagai Satu Kumpulan
- vi. Membuat Keputusan Dengan Cara Mendekati Pelanggan
- vii. Menghormati Nilai Dan Sumbangan Individu



Harapan saya, dengan budaya kerja yang telah ditetapkan kita akan membawa MPSP ke mata dunia (*World Class City*).

Kami juga berhasrat untuk mempromosikan pelancongan di kawasan Seberang Perai. Banyak kawasan-kawasan pelancongan belum dipromosikan dan mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan sebagai pelengkap pelancongan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, visi dan misi MPSP telah pun diubah suai bersama Ahli Majlis dan tercipta visi yang baru iaitu "Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018". Misi pula iaitu "Menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamat, lebih bersih, lebih hijau & lebih sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai".

Untuk mendokumenkan keindahan dan keunikan Seberang Perai hari ini YAB Ketua Menteri akan melancarkan "*Coffee Table Book*" bertajuk "*Seberang Perai Discovering The Hidden Pearl Of Penang*" dan di akhir naskah tersebut tertulis "*The emerging Pearl Of Penang*". Ini adalah sesuai untuk konsep mengantarabangsakan MPSP. Dengan adanya "*Coffee Table Book*" ini, MPSP dapat menjadikan ianya sebagai rujukan dan juga boleh di bawa ke luar negara untuk mempromosikan Seberang Perai. MPSP juga telah melancarkan "*Seberang Perai Tourist Map*" pada Julai 2013.

Untuk makluman semua, *Seberang Perai Coffee Table Book* yang akan dilancarkan ini adalah hasil usaha bersama MPSP dan pasukan dari USM yang diketuai oleh Dr. Tiun Ling Ta secara sukarela. Buku ini menjadi satu penanda aras bagi MPSP untuk maju ke hadapan selaras dengan hasrat kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang bertaraf antarabangsa. Dengan terbitkan buku ini, diharap ia akan menjadi sumber rujukan pelbagai pihak dan mampu menarik pelancong menerokai keindahan Seberang Perai. Kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan *Seberang Perai Coffee Table Book* yang pertama ini.

Selain itu, MPSP bersama GTWHI sedang menjalankan inventori warisan di Seberang Perai Utara dan dijangka siap pada awal Mac 2014. Selepas itu, saya berharap agar kajian yang serupa akan dijalankan di Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Risalah untuk *Heritage Trail* di Seberang Perai akan di lancarkan pada bulan Julai 2014 akan datang.

Jabatan lanskap juga telah membuat inventori kawasan-kawasan rekreasi dan kawasan lapang. Selepas ini kita akan mendokumenkan "*Hiking Trails*" pula untuk Seberang Perai.

Harapan saya dengan pelantikan Ahli Majlis tahun 2014 ini, kita dapat bekerjasama untuk meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP dalam memenuhi kehendak dan harapan *stakeholder* yang tinggi terhadap MPSP.

Akhir kata, izinkan saya sekali lagi untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP yang dilantik pada hari ini dan juga kepada semua mantan Ahli Majlis sebelum ini. Marilah kita sama-sama bekerja dengan lebih gigih lagi dan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan penuh Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.